

03 SEP 2000

Mahathir-Motorola/I

PM HARAP MOTOROLA AKAN TERUS MELABUR DI MALAYSIA

CHICAGO, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Motorola Inc, syarikat terkemuka dalam peralatan perangkaan, kotak set-top dan penyelesaian telematik akan terus melabur di Malaysia.

"Kita juga berharap Motorola akan terus melatih dan menggunakan pekerja Malaysia," katanya semasa lawatannya ke pusat Motorola di Schaumburg, dekat sini, Sabtu.

Dr Mahathir berkata beliau gembira jumlah pekerja Malaysia adalah yang kedua tertinggi berbanding jumlah keseluruhan pekerja di kilang Motorola di seluruh dunia.

Daripada sejumlah 140,000 pekerja syarikat itu di seluruh dunia, China berada di tangga atas dengan 12,290 pekerja diikuti oleh Malaysia (8,717) dan Taiwan (2,540).

Beliau berkata banyak pekerja Malaysia telah dihantar oleh syarikat itu ke tempat lain di seberang laut atau syarikat lain yang terlibat dalam pembuatan elektronik di Malaysia.

Dr Mahathir berharap kerjasama yang lebih erat antara Universiti Motorola di Chicago dan Universiti Multimedia di Cyberjaya.

Sementara itu, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Motorola, Christopher Galvin, dalam ucapannya memberikan jaminan syarikat itu tidak akan mengubah pendiriannya berkaitan pelaburannya di Malaysia.

"Saya berpendapat kita akan dapat membawa banyak perkara untuk kebaikan pekerja Malaysia di Motorola dan mengharapka ia adalah untuk jangka masa panjang," katanya.

Pendapatan Motorola bagi tahun lepas berjumlah AS\$32.1 bilion manakala unjuran pertumbuhan bagi tahun ini dijangkakan bertambah sebanyak 22 peratus.

Jumlah yang dibelanjakan oleh Motorola bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sahaja berjumlah AS\$3.5 bilion.

Semasa lawatan ke pusat Motorola itu Dr Mahathir diberikan demonstrasi beberapa produk keluaran syarikat itu.

Beliau juga diberikan taklimat berkaitan syarikat oleh naib presiden eksekutif dan presiden bagi rantau Asia Pasifik Tam Chung Ding.

Di antara demonstrasi itu ialah pembelajaran-E, telematik dan autobodi, data bergerak dan pertanian. Beliau juga dibawa melihat musium Motorola.

Mengiringi Dr Mahathir semasa lawatan itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Dr Mahathir tiba di sini pada pagi Jumaat untuk lawatan kerja selama tiga hari.

-- BERNAMA

MKO RI